

Dinamika Perubahan Masyarakat Melayu dalam Novel *Hatimu Aisyah* Karya Sn Zurinah Hassan

Halis Azhan Mohd. Hanafiah*

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dinamika masyarakat Melayu dalam novel Hatimu Aisyah (2016) karya SN Zurinah Hassan pada zaman sebelum dan selepas merdeka. Dari sudut pandang protagonisnya, iaitu Aisyah, masyarakat Melayu pada zaman sebelum merdeka digambarkan sangat mematuhi adat dan kepercayaan tradisional, dan menjauhi pantang larang. Akan tetapi, susulan peranan kerajaan dalam menjalankan pembangunan-pembangunan sosial, ekonomi dan politik yang berlaku dalam segenap bentuk kehidupan. Sehubungan itu, kajian ini akan memanfaatkan teori sosiologi sastera yang digagaskan oleh Hippolyte Taine yang menjelaskan bahawa masyarakat dalam novel dapat dijelaskan melalui faktor bangsa, persekitaran dan zaman. Kajian ini menggariskan tiga objektif untuk dicapai. Pertama, mengklasifikasikan perubahan-perubahan masyarakat Melayu dalam novel Hatimu Aisyah. Kedua, menganalisis perubahan-perubahan masyarakat Melayu dalam novel Hatimu Aisyah. Dan ketiga, menghubungkaitkan dinamika masyarakat Melayu dengan kemajuan-kemajuan sosial, ekonomi dan politik yang terdapat dalam novel Hatimu Aisyah. Kajian ini mendapati bahawa perubahan-perubahan ini bertolak daripada sikap masyarakat Melayu yang mula mengutamakan pencapaian akademik, peluang pekerjaan yang lebih baik, dan sikap baharu terhadap nilai-nilai tradisional. Perubahan-perubahan ini berlaku kerana masyarakat Melayu yang berpendidikan mempunyai maklumat tentang perubahan-perubahan yang berlaku di seluruh dunia dan tidak ingin ketinggalan.

Kata Kunci: Dinamika, Masyarakat Melayu, Novel, Sosial, Ekonomi, Politik.

ABSTRACT

This study aims to analyze the dynamics of Malay societies in the novel Hatimu Aisyah (2016) by SN Zurinah Hassan before and after independence. From its protagonist's point of view, Aisyah, the Malay societies before independence have been portrayed as a group of people who uphold the traditional customs and believes, and stay away from taboos. This situation however, has changed after Malaysia achieves her independence in 1957 as the government implements various social, economic and political programs all over the country. Since then, the Malay societies have been exposed to modern life in various walks of life. Therefore, this study scrutinizes the theory of sociology of literature by Hippolyte Taine which acknowledges that societies in novel can be defined via three factors, namely 'race', 'surroundings' and 'epoch'. This study outlines three objectives. Firstly, to classify the changes of the Malay societies in the novel Hatimu Aisyah. Secondly, to analyze the changes of Malay societies in the novel Hatimu Aisyah. And thirdly, to relate the dynamics of the Malay societies and the social, economic and political prosperities in the novel Hatimu Aisyah. This study finds out that the changes occur because the Malays have started to prioritize academic achievements and job opportunities, and new attitudes towards traditional values as goals of their lives. The changes occurs as the newly educated people have more knowledge about the changes worldwide and do not want to be left behind.

Keywords: Dynamics, Malay Societies, Novel, Social, Economy, Politics.

*E-mel: halis_azhan@upm.edu.my

PENGENALAN

Perbincangan tentang aspek 'masyarakat' dalam garapan sesebuah karya sastera lazimnya akan membentuk dua pemahaman yang penting. Pertama, sesebuah karya sastera digarap dengan berasaskan kecenderungan penulisnya untuk menyerap unsur-unsur di luar teks ke dalam teks, yang dengannya akan menimbulkan potensi karya sastera itu berfungsi sebagai sebuah dokumen sosial yang sah (*legitimate*) dan berautoriti. Dengan kata lain, karya menjadi manifestasi kehidupan masyarakat pada suatu masa, tempat dan persekitaran sosial yang dihasratkan oleh penulis. Kedua, manifestasi kehidupan masyarakat yang dipaparkan secara tidak langsung berupaya menjelaskan lagi akan hubungan timbal balik dan saling memerlukan yang dinamik antara penulis, karya sasteranya dan masyarakat. Dengan konteks pemahaman inilah, dapat dikatakan bahawa sesebuah karya sastera berupaya mengungkapkan realiti sosial yang melingkari sesebuah masyarakat, seperti pensejarahan bangsa, persekitaran sosial, kecenderungan sosial, ekonomi dan politik, struktur sosial dan institusi sosial. Dengan konteks pemahaman yang sama juga, sesebuah karya sastera dapat menjelaskan dinamika perubahan sesebuah masyarakat yang berlaku dari semasa ke semasa.

Pengamatan awal mendapati bahawa aspek 'masyarakat' turut dibincangkan dalam kajian-kajian terhadap karya-karya sastera Melayu, sama ada karya sastera moden atau tradisional, mengenai beberapa unsur terpilih. Ini antaranya, melibatkan kajian yang dilakukan oleh Misran Rokimin, Mawar Safei dan Che Abdullah Che Ya (2011) yang membincangkan tentang 'mobiliti sosial' watak-watak terpilih dalam novel *Interlok* karya SN Abdullah Hussain. Kajian ini mendapati bahawa watak Melayu yang dihadirkan dalam novel ini sebagai anak tempatan mengalami mobiliti sosial yang bergerak mendatar (iaitu tidak mengalami perubahan), manakala watak Cina dan watak India dalam novel yang sama mengalami mobiliti sosial yang bergerak menegak (iaitu mengalami perubahan). Perbezaan ini berlaku kerana watak Cina dan watak India yang menjadi imigran didapati bekerja dengan lebih kuat dan terancang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di tempat baharu. Kajian terhadap corak kehidupan masyarakat Melayu didapati turut dilakukan oleh Hanapi Dolah (2008) yang membincangkan tentang masalah kemelaratan golongan pinggiran Melayu di bandar dalam novel *Salina* karya SN A. Samad Said. Dalam kajian ini, watak-watak Melayu pinggiran yang dikaji dikatakan tidak menemukan jalan penyelesaian bagi masalah-masalah sosial yang dihadapi berikutan tahap pendidikan yang rendah, sehingga mengakibatkan kehidupan mereka terus terbelenggu dalam kemiskinan. Kajian terhadap susun atur masyarakat Melayu seterusnya didapati dilakukan oleh Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019) yang membincangkan tentang kepelbagaian institusi sosial Melayu dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* karya SN Keris Mas. Kajian ini mendapati bahawa di sebalik perubahan sosial dan ekonomi yang melanda dunia niaga orang Melayu, watak-watak Melayu dalam novel ini terus berusaha mengekalkan nilai-nilai kehidupan tradisional Melayu dan Islam agar dapat diwarisi oleh generasi yang seterusnya. Kajian tentang masyarakat Melayu yang dilakukan oleh Safwan Razali dan Zubir Idris (2018) terhadap syair *Putera Mahkota* turut dianggap relevan kerana membincangkan tentang pelbagai susun atur masyarakat Melayu yang unik dan sistematik. Secara tidak langsung, kajian-kajian ini dapat menunjukkan kepelbagaian perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang terpancar dalam karya-karya sastera moden dan tradisional.

Novel *Hatimu Aisyah* (2016) merupakan satu-satunya karya dalam genre novel yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara Zurinah Hassan. Novel ini menghadirkan cerita tentang perjalanan hidup seorang wanita desa bernama Aisyah sejak dari zaman kanak-kanaknya hingga menjadi dewasa dan meniti hari-hari tuanya. Novel menceritakan bahawa sebagai seorang wanita yang dibesarkan dalam sebuah keluarga yang serba miskin, watak Aisyah mula berusaha mengubah kehidupannya setelah berumahtangga (dengan Ayub, lelaki pilihan keluarganya) dan merancang masa depan anak-anak mereka. Titik tolak perubahan ini berlaku setelah watak Ayub terpilih untuk mengikuti suatu kursus yang dianjurkan oleh kerajaan untuk melatih guru-guru agama baharu dan seterusnya dilantik berkhidmat di sebuah sekolah agama. Dengan itu juga, keluarga

Aisyah berpindah dari kampung halamannya ke pekan Tikam Batu (yang terletak tidak jauh dari bandar Sungai Petani, Kedah) untuk membolehkan watak Ayub menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang guru agama dan imam dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, watak Aisyah yang dihadirkan sebagai seorang wanita yang kasih dan taat akan suaminya, didapati cenderung untuk meneroka peluang-peluang kehidupan baharu yang lebih baik lagi. Pada masa yang sama, watak Aishah juga didapati hadir sebagai seorang wanita yang terdidik dengan nilai-nilai tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dan Islam turun-temurun, justeru berusaha mempertahankannya dengan sebaik-baiknya. Seiring dengan perubahan demi perubahan yang dilaluinya sejak negara mencapai kemerdekaan, watak Aisyah turut mendapati bahawa sikap masyarakat di sekelilingnya turut berubah dan berusaha mengecapi kehidupan yang lebih baik lagi. Mengambil premis bahawa watak Aisyah boleh mewakili dunia orang Melayu seluruhnya, kajian ini berusaha membincangkan dinamika masyarakat Melayu dalam novel *Hatimu Aisyah*.

SKOP PERBINCANGAN

Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang dinamika masyarakat Melayu mencakupi aspek-aspek perubahan sosial, ekonomi dan politik yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* karya SN Zurinah Hassan. Dalam hal ini, Auguste Comte (iaitu pelopor dan tokoh penting bidang kajian kemasyarakatan) membahagikan kajian kemasyarakatan kepada *social statics* dan *social dynamics* (Hughes & Kroehler, 2009: 9). *Social statics* merujuk kepada kajian ke atas organisasi, sistem, struktur dan sebagainya, yang melibatkan tatacara kehidupan yang rukun dan stabil. Manakala, *social dynamics* pula merujuk kepada kajian tentang organisasi, sistem, struktur dan sebagainya, yang berubah akibat pengaruh-pengaruh baharu yang berkembang dalam sesebuah masyarakat. Hal ini pada asasnya menjelaskan bahawa tatacara kehidupan sesebuah masyarakat turut bergantung kepada pengaruh-pengaruh lain yang melingkarinya. Berasaskan penjelasan Auguste Comte ini, dapat dikatakan bahawa kajian kemasyarakatan tidak terpisah daripada pelbagai pengaruh yang berlegar di sekeliling kehidupan manusia. Ini antaranya melibatkan pengaruh sosial, ekonomi, politik, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya, yang melingkari kehidupan ahli-ahli masyarakat pada sesuatu masa dan tempat. Menurut Mitchell (1970: 36 - 38), pengaruh-pengaruh ini menjadi suatu subsistem yang diterima oleh ahli-ahli masyarakat. Ini seterusnya membentuk suatu "sistem sosial" (*social system*) bagi seluruh masyarakat. "Sistem sosial" di sini adalah merujuk kepada tatacara kehidupan yang sistematik yang mengaturkan kehidupan kehidupan seharian ahli-ahli sesebuah masyarakat. Dengan kata lain, sesuatu kajian kemasyarakatan dapat menjelaskan sikap dan kecenderungan individu dengan berdasarkan pengetahuan dan pemahaman tentang norma-norma masyarakat di sekelilingnya.

Berhubung dengan perkara yang sama, Helshin (1993: 9 - 12) menganggap bahawa kajian tentang sesebuah masyarakat berupaya mengaitkan maklumat daripada beberapa cabang sains sosial yang berkaitan untuk memerihalkan perkembangan masyarakat. Ini antaranya melibatkan bidang sejarah, sains politik, ekonomi, antropologi, psikologi dan sebagainya. Tegasnya, semua bidang ini dianggap saling melengkapi untuk terus berkembang. Menurut Helshin lagi, kajian tentang sesebuah masyarakat juga mengutamakan perkara-perkara semasa, menitikberatkan masyarakat umum daripada institusi-institusi sosial tertentu, cenderung mendekati masyarakat industri dan mempertimbangkan faktor-faktor luaran apabila meneliti tingkah laku sosial. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa kajian ini menggunakan maklumat-maklumat yang relevan daripada bidang-bidang lain untuk menjadi garis panduan dan latar belakang kajiannya.

Seterusnya, menurut Fletcher (1981: 20), kajian kemasyarakatan berkait rapat dengan penerimaan umum sesebuah masyarakat terhadap perkara-perkara yang dapat dikongsikan sesama ahli masyarakat. Fletcher merujuk penerimaan-penerimaan ini sebagai *collective conditions* yang berupaya membentuk sistem sosial bagi sesebuah masyarakat. Menurutnya lagi,

sesuatu sistem sosial hanya dapat dihadirkan apabila sebahagian besar ahli masyarakat berpuas hati, dan bersedia berkongsi atau bertolak ansur dengan perbezaan adat resam, budaya, cara hidup, peraturan, undang-undang dan sebagainya, yang diamalkan dalam sesuatu lingkaran pengaruh. Pada masa yang sama, ahli-ahli masyarakat bersedia untuk berkongsi identiti, bangga akan identiti ini dan dapat pula memperolehi faedah daripada penerimaan-penerimaan itu. Menurut Fletcher lagi, sistem sosial tidak melibatkan tuntutan kumpulan-kumpulan kecil yang tidak popular. Sebaliknya, sistem sosial dianggap memenuhi tuntutan kumpulan-kumpulan yang lebih besar, yang berupaya menentukan perubahan-perubahan yang perlu dilakukan oleh sesebuah masyarakat. Dengan ini juga, kajian kemasyarakatan dianggap sebagai suatu bidang yang melibatkan aspek populasi, kumpulan domestik, sistem kekeluargaan, sistem ekonomi, bentuk kawalan sosial, hubungan diplomatik, sistem ketenteraan, kelas sosial, kesusasteraan, kesenian, kebudayaan dan lain-lain lagi.

Dengan berasaskan skop perbincangan di ataslah, maka kajian terhadap dinamika masyarakat Melayu dilakukan terhadap novel *Hatimu Aisyah* (2016) karya Zurinah Hassan. Pengamatan mendapati bahawa di sebalik tumpuan terhadap watak Aisyah, novel turut menghadirkan cerita-cerita tentang perubahan-perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu luar bandar dan bandar pada zaman sebelum dan selepas merdeka. Novel menceritakan bahawa pada zaman kanak-kanak dan remaja Aisyah, watak ini menjalani kehidupan yang sarat dengan adat resam dan pantang larang orang Melayu yang diwarisi turun-temurun oleh nenek-moyangnya. Dengan kedudukan tempat tinggalnya yang terletak di pedalaman Kedah dan tidak menerima pendedahan yang meluas terhadap perubahan-perubahan sosial, ekonomi dan politik negara seluruhnya, watak Aisyah diceritakan tidak dihantar bersekolah dan membesar sebagai gadis pingitan yang diasuh sejak kecil oleh ibunya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu yang baik apabila dewasa kelak. Pengamatan juga mendapati bahawa fasa kehidupan Aisyah berubah apabila suaminya (iaitu watak Ayub) yang diceritakan pernah mendapat pendidikan agama di sekolah pondok menyahut tawaran kerajaan untuk mengikuti latihan sebagai seorang guru agama (dan turut menjadi imam bagi sebuah masyarakat kecil Melayu). Tumpuan terhadap kehidupan berkeluarga pasangan Aisyah dan Ayub seterusnya menemukan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada zaman selepas merdeka. Ini antaranya, melibatkan keinginan-keinginan baharu masyarakat Melayu untuk memiliki tahap pendidikan, pilihan kerjaya dan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Manifestasi perubahan-perubahan inilah yang akan diperincikan melalui cerita-cerita yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* dan dijelaskan melalui petikan-petikan yang sesuai.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan tiga objektif yang ingin dicapai, seperti yang berikut:

- i. mengklasifikasikan perubahan-perubahan masyarakat Melayu dalam novel *Hatimu Aisyah* karya SN Zurinah Hassan
- ii. menganalisis perubahan-perubahan masyarakat Melayu dalam novel *Hatimu Aisyah* karya SN Zurinah Hassan
- iii. menghubungkaitkan dinamika masyarakat Melayu dengan kemajuan-kemajuan sosial, ekonomi dan politik dalam novel *Hatimu Aisyah* karya SN Zurinah Hassan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengklasifikasikan dan menganalisis perubahan-perubahan masyarakat Melayu mencakupi aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah*. Dengan maklumat-maklumat yang diperolehi, kajian seterusnya berusaha menghubungkaitkan dinamika perubahan ini kemajuan-kemajuan baharu yang dicapai oleh masyarakat Melayu

terutamanya pada zaman selepas merdeka. Sehubungan dengan tujuan ini, kajian ini akan menggembangkan teori sosiologi sastera yang digagaskan oleh Hippolyte Taine.

Gagasan Sosiologi Sastera Hippolyte Taine

Gagasan sosiologi sastera oleh Taine menekankan bahawa sebuah karya sastera lazimnya ditekuni dengan bersandarkan ketelitian sasterawan dalam menggarap permasalahan individu atau masyarakat dalam lingkaran bahasa, persekitaran sosial dan masa tertentu. Gagasan ini dicetuskan dengan tanggapan Taine (1992: 609) bahawa perkara-perkara yang dikemukakan dalam karya sastera bukanlah produk yang terhasil daripada imaginasi dan kreativiti penulis semata-mata. Sebaliknya, karya sastera dianggap merakamkan kesan-kesan yang berlaku dalam sejarah kehidupan dan pengalaman manusia. Bagi Taine, karya sastera yang relevan dan signifikan sebagai dokumen sastera ditekuni melalui tanggapan dan pemikiran yang jelas dan matang. Dengan tanggapan yang sedemikian, karya sastera yang sarat dengan maklumat dianggap berupaya mengungkapkan peristiwa-peristiwa penting yang mengubah atau mengukuhkan lagi sistem kehidupan manusia. Dengan kata lain, maklumat-maklumat dalam karya sastera berpotensi digunakan untuk menerangkan bagaimana sesuatu subjek, sistem, mekanisme, hukum sebab dan akibat dan kesan peristiwa-peristiwa penting itu berfungsi dalam kehidupan manusia. Bagi Taine, maklumat-maklumat itu adalah sah dan legitimate sebagai suatu dokumen sosial. Sehubungan itu, Taine mengaitkan tanggapan ini dengan kepentingan memahami aspek bangsa (*race*), persekitaran (*surroundings*) dan zaman (*epoch*) yang dikemukakan dalam karya sastera. Ini dijelaskan oleh Taine sebagai: "*Three different sources contributes to this elementary moral state - the race, the surroundings, and the epoch*" (Taine, 1992: 609). Dengan bersandarkan penjelasan ini, khayal dianggap berpeluang menerokai kehidupan masa lalu yang tidak nyata lagi dalam kehidupan manusia.

Seterusnya, gagasan sosiologi sastera oleh Taine ini dengan jelas menekankan tentang keperluan penulis menyelidiki aspek bangsa (*race*), persekitaran (*surroundings*) dan zaman (*epoch*) apabila menekuni karya sastera. Bagi Taine, sungguhpun aspek-aspek ini mempunyai sifat yang berbeza, tetapi ketiga-tiganya perlu dimanfaatkan secara bersama untuk meneliti dan memahami kehidupan masyarakat yang dizahirkan dalam karya sastera. Dalam hal ini, aspek bangsa adalah merujuk kepada baka atau keturunan yang disatukan oleh resmi (*kelaziman*) dan struktur fizikal. Taine menjelaskan lagi bahawa setiap individu dalam konteks 'bangsa' lazimnya berkongsi bahasa, etos dan kepercayaan, kesusteraan, falsafah, susur galur dan darah keturunan, daya intelek dan berpegang pada asal-usul, walaupun dipisahkan oleh faktor masa dan geografi. Sesebuah bangsa juga dikatakan mengekalkan cara hidup, adab, budaya dan adat resam, dan bersedia mewariskan semuanya kepada generasi-generasi seterusnya. Sehubungan itu, Taine (1992: 610) berpendapat bahawa sekiranya fakta-fakta tentang sesuatu bangsa diteliti dengan mendalam, maka ciri-ciri persamaan akan ditemukan, walaupun terdapat jurang masa memisahkan suatu generasi dengan suatu generasi yang lain.

Seterusnya, aspek persekitaran dianggap signifikan untuk mengaitkan sebuah karya sastera dengan faktor-faktor yang terdapat dalam masyarakat. Dengan merujuk kepada keadaan persekitaran, sistem kehidupan manusia bagi Taine tidak ditentukan oleh cuaca dan bentuk muka bumi semata-mata. Sebaliknya, sistem ini dikatakan turut ditentukan oleh peraturan, undang-undang, kepercayaan dan tunjuk arah kehidupan manusia (Taine, 1992: 615). Dengan itu, dapat dikatakan bahawa aspek persekitaran ialah kuasa di luar diri yang mendorong manusia agar taat terhadap sistem kehidupan masyarakatnya. Akhir sekali, Taine menegaskan bahawa aspek zaman (*epoch*) mengaturkan operasi aspek bangsa (*race*) dan aspek persekitaran (*surrounding*). Dengan kata lain, suatu perkara yang berlaku pada dua zaman yang berbeza meninggalkan kesan-kesan yang berbeza. Dalam hal ini, Taine berendapat bahawa karya-karya sastera yang awal berupaya menjadi model yang signifikan untuk mempengaruhi karya-karya sastera yang seterusnya (1992: 616). Akan tetapi, idea atau gagasan asal dalam karya sastera awal itu perlu

disesuaikan dengan konteks 'bangsa' (*race*) dan 'persekitaran' (*surroundings*) semasa untuk menentukan bentuk karya sastera yang sedia diterima oleh masyarakat. Taine memperkuuhkan lagi kaitan antara ketiga-tiga aspek ini dengan tujuan pensemahan bangsa. Ini dijelaskan oleh Taine sebagai: "*So much we can say with confidence, that the unknown creations towards which the current of the centuries conducts us, will be raised up and regulated altogether by the three primordial forces; that if these forces could be measured and computed, one might deduce from them as from a formula the speciliaties of future civilization*" (Taine, 1992: 616). Tegasnya, Taine menganggap bahawa sesuatu karya sastera yang digarapkan pada sesuatu masa, boleh menjadi dokumen sosial yang dapat dimanfaatkan pada masa yang akan datang.

Sehubungan dengan itu, sebarang perkara yang ditimbulkan dalam karya sastera dianggap merakamkan dan mewakili idea dan emosi masyarakat. Ini antaranya melibatkan intuisi, persepsi dan refleksi masyarakat terhadap pengaruh-pengaruh sosial, ekonomi, politik, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya, yang secara berterusan berlaku dalam kehidupan manusia. Ini sekaligus bererti. Gagasan sosiologi sastera oleh Taine menghadirkan beberapa prinsip yang dianggap dapat membantu kajian ini. Pertama, karya sastera Melayu menjelaskan tentang sosiologi masyarakat Melayu pada sesuatu masa, tempat dan persekitaran. Kedua, karya sastera Melayu menyerlahkan keupayaan masyarakat Melayu menanggapi perubahan demi perubahan yang berlaku dalam persekitaran mereka. Dan ketiga, karya sastera Melayu mengungkapkan bahawa perubahan-perubahan ini berkait rapat dengan dinamika perubahan yang berlaku dalam bidang-bidang kehidupan yang lain. Prinsip-prinsip ini dianggap berupaya membantu perbincangan tentang dinamika masyarakat Melayu dalam novel *Hatimu Aisyah* yang menjadi fokus kajian ini.

PERBINCANGAN

Perbincangan terhadap dinamika masyarakat Melayu dalam novel *Hatimu Aisyah* dimulakan dengan meneliti kehidupan Aisyah pada zaman kecilnya. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, novel menceritakan bahawa Aisyah lahir dalam sebuah keluarga yang miskin. Kemiskinan keluarga Aisyah ini ditunjukkan melalui keadaan rumah yang menjadi tempat tinggal keluarga Aisyah, yang terletak di sebuah kampung di pedalaman, tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas dan terpisah jauh daripada kehidupan bandar. Selain itu, kemiskinan keluarga Aisyah juga ditunjukkan melalui cerita-cerita tentang pekerjaan ayah dan ibunya yang menanam padi dan melakukan kerja-kerja kampung untuk menyara kehidupan mereka sehari-hari. Penting untuk dijelaskan bahawa pekerjaan-pekerjaan ini pada zaman sebelum merdeka lazimnya tidak menghasilkan pendapatan yang lumayan dan terjamin, malah sekadar membolehkan seseorang pekerja menyara dirinya dan keluarganya untuk suatu tempoh yang pendek. Apatah lagi, rata-rata penduduk kampung pada masa itu tidak mempunyai latar belakang pendidikan formal yang menyebabkan mereka jahil tentang kepentingan pendidikan. Tanpa kesedaran bahawa pendidikan dapat dijadikan alat untuk mengubah tahap kehidupan mereka inilah, penduduk-penduduk kampung diceritakan tidak bersungguh-sungguh untuk menghantar anak-anak ke sekolah. Sebaliknya, mereka cenderung untuk mewariskan nilai-nilai kehidupan mereka kepada generasi-generasi yang seterusnya. Dengan cerita-cerita yang melingkari masyarakat inilah, novel menunjukkan bahawa ibu bapa Aisyah cenderung mengajarkan Aisyah tentang tugas dan tanggungjawab bagi seorang isteri dan ibu yang baik, sebagai persediaan awal apabila dia (Aisyah) dianggap bersedia untuk mendirikan rumahtangga nanti. Kecenderungan ini dijelaskan dalam novel seperti dalam petikan yang berikut:

Lama-kelamaan Aisyah menganggap dirinya sebagai seorang yang malang, kerana tidak pandai membuat kerja seperti yang dikehendaki oleh ibunya. Namun dia mesti terus membuat kerja-kerja di dapur kerana dia seorang perempuan. Kalau tidak tahu memasak bagaimanakah dia akan hidup kerana orang perempuan mesti berkahwin dan memasak untuk anak-anak dan suaminya. Sebagai seorang anak dia mesti membuat setiap kerja yang disuruh oleh ibu. Sejak

kecil lagi dia diajar untuk tidak membantah cakap ibu walau sepatah pun. (Zurinah Hassan, 2016: 12)

Berdasarkan petikan ini, novel menjelaskan bahawa dengan keadaan keluarganya yang miskin itu, suatu bentuk pendidikan yang ditawarkan kepada Aisyah ialah tugas dan tanggungjawab untuk menjadi seorang suri rumah tangga yang baik. Dalam hal ini, dia diajarkan melakukan segala kerja rumah dengan betul oleh ibunya sendiri, antaranya dengan tugas-tugas memasak dan mengemas rumah. Selain itu, novel menceritakan lagi bahawa dengan kedudukan Aisyah sebagai anak perempuan sulung dalam keluarga, tugasnya berganda apabila dia juga dikehendaki menjaga adik-adiknya yang masih kecil sepeninggalan ibunya yang membantu ayahnya bersawah dan melakukan kerja-kerja kampung. Di sebalik kepatuhannya dalam melakukan kerja-kerja ini, Aisyah juga diceritakan sedar bahawa seseorang anak lelaki dalam keluarga Melayu menikmati lebih banyak kelebihan berbanding anak perempuan dalam keluarga yang sama. Melalui kehadiran Abang Mat (iaitu watak abang sulung Aisyah), novel menceritakan bahawa seseorang anak lelaki dalam sesebuah keluarga Melayu di kampung bukan sahaja tidak dikehendaki melakukan kerja-kerja rumah, malah berpeluang untuk bergerak bebas di sekitar kawasan kampung dan pada masa-masanya, berpeluang mengikuti perbualan orang-orang tua. Dengan kata lain, anak-anak lelaki diberikan kebebasan yang sedemikian untuk mempelajari keadaan kehidupan masyarakat Melayu sejak dari kecil lagi dan meneladaninya apabila meningkat dewasa dan menjadi ketua keluarga nanti.

Novel seterusnya menceritakan bahawa setelah meningkat dewasa, watak Aisyah kemudian diaturkan berkahwin dengan seorang lelaki pilihan keluarganya sendiri, iaitu Ayob. Pada awal perkahwinannya, novel menunjukkan bahawa pasangan Aisyah dan Ayub juga mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka, iaitu menanam padi dan melakukan kerja-kerja kampung untuk menyara kehidupan sendiri. Pada tahap ini, iaitu sebagai seorang wanita dewasa yang sudah berkeluarga, novel menceritakan bahawa watak Aisyah menikmati sedikit kebebasan untuk keluar rumah dan memperoleh pendapatan sampingan apabila diizinkan oleh suaminya, iaitu dengan mengambil upah mengetam padi di tanah orang. Situasi ini hadir apabila novel menceritakan bahawa watak Ayub yang pernah mengikuti pengajian di sekolah pondok dan mempunyai asas pendidikan agama, mengambil keputusan untuk cuba mengubah nasibnya dengan mengikuti kelas agama yang dianjurkan oleh kerajaan di Kota Kuala Muda. Tujuan program ini diadakan ialah untuk mendapatkan calon-calon guru agama yang dapat ditugaskan mengajar di sekolah-sekolah kerajaan. Kesungguhan watak Ayub untuk mengusahakan hal ini dijelaskan dalam petikan yang berikut:

Suatu petang Ayub memberitahu, "Aisyah, kerajaan ada membuka kelas agama di Kota Kuala Muda. Sesiapa yang pernah pergi ke sekolah agama bolehlah minta belajar di sana. Khabarnya, kerajaan akan membuka banyak sekolah agama untuk budak-budak dan hendak mengambil orang untuk menjadi guru. Saya dulu ada mengaji pondok di Simpang Empat. Saya rasa hendak cuba meminta, ambil periksa. Kalau lulus peperiksaan itu boleh jadi guru agama. Mana tahu kalau-kalau nasib kita baik. Kalau rezeki anak-anak kita baik, dapatlah saya jadi guru agama, insya-Allah." (Zurinah Hassan, 2016: 139)

Petikan ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa di sebalik keadaan keluarganya yang miskin (seperti kebanyakan penduduk kampung yang lain), watak Ayub sebenarnya mempunyai latar belakang pendidikan yang lebih baik daripada watak Aisyah. Dengan pengetahuannya yang lebih luas dan mendalam, dan kemampuannya untuk melihat peluang-peluang baharu yang ditawarkan oleh kerajaan, watak Ayub berpandangan bahawa kedudukan baharu itu akan membolehkannya memohon jawatan sebagai seorang guru di sekolah kerajaan dan menerima pendapatan yang lebih terjamin. Selain itu, penting untuk dijelaskan bahawa pada zaman sebelum dan awal kemerdekaan, kedudukan seorang guru rata-ratanya dipandang tinggi oleh masyarakat. Dengan kata lain, peluang itu akan membolehkan Ayub dan Aisyah membina kehidupan yang lebih baik lagi berbanding

kehidupan sebagai keluarga petani pada awal perkahwinan mereka. Novel seterusnya menceritakan bahawa dengan kegigihannya mengikuti kelas-kelas agama dan sokongan watak Aisyah yang terus bekerja demi menyara keluarga dan membeli kitab-kitab agama yang diperlukan, watak Ayub diceritakan lulus peperiksaan demikian dan ditawarkan bekerja di sebuah sekolah agama di Tikam Batu. Dengan tanggungjawab baharunya ini, watak Ayub diceritakan membawa Aisyah dan anak-anak mereka berpindah ke pekan tersebut, yang diceritakan mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik daripada tempat tinggal asal mereka, serta terletak tidak jauh dari bandar Sungai Petani. Selain menjadi seorang guru, watak Ayub diceritakan menjadi imam di tempat baharunya, iaitu suatu tugas sampingannya yang turut dipandang tinggi oleh masyarakat sekitar.

Novel seterusnya menceritakan bahawa dengan pekerjaan dan kedudukan Ayub yang lebih baik itu, watak Aisyah menyedari peluang-peluang yang dapat diraih oleh anak-anaknya sekiranya mereka mempunyai pendidikan. Sehubungan dengan kesedaran inilah, watak Aisyah diceritakan berusaha memastikan anak-anaknya dapat bersekolah dan tidak menjadi buta huruf (iaitu tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis) sepertinya. Novel menunjukkan lagi bahawa dengan perhatian yang diberikan oleh watak Aisyah dan watak Ayub, anak-anak mereka muncul sebagai murid-murid yang cerdas dan pandai di sekolah, serta kerap mendapat perhatian daripada guru-guru masing-masing. Akan tetapi, di sebalik keazaman untuk melihat anak-anak mereka berjaya, watak Aisyah kemudian diceritakan akur akan desakan daripada ibunya sendiri yang berharap agar cucu-cucu perempuannya (iaitu anak-anak Aisyah; Jamilah dan Latifah) belajar sehingga tamat sekolah rendah sahaja. Dalam hal ini, watak ibu Aisyah diceritakan masih percaya bahawa sekiranya anak-anak perempuan terlepas daripada perhatian ibu bapa, maka mereka lebih berkemungkinan terdedah dengan pengaruh-pengaruh negatif yang boleh memalukan ibu bapa masing-masing. Bagi watak ibu Aisyah yang masih dibelenggu dengan nilai-nilai tradisional, anak-anak perempuan tidak perlu mendapat pendidikan tinggi. Sebaliknya, anak-anak perempuan mestilah mengetahui bahawa tugas dan tanggungjawab mereka adalah untuk memastikan rumahtangga masing-masing sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan rukun. Meskipun diceritakan keberatan untuk mengotakan desakan ibunya sendiri, watak Aisyah tetap patuh dengan meminta agar watak Ayub menyekolahkan anak-anak perempuan mereka (iaitu watak Jamilah pada masa ini) sehingga tamat sekolah rendah sahaja, seperti dalam petikan yang berikut:

"Saya minta janganlah Milah disuruh belajar lagi selepas tamat darjah enam. Tolonglah jangan suruh dia pergi ke Melaka," kata Aisyah terus-terang. Ternyata Ayub amat terkejut mendengarnya.

"Kenapa pula? Anak kita merupakan murid perempuan yang terbaik di sekolahnya. Awak sepatutnya berbangga dengan kebolehannya. Kita mesti beri dia peluang. Kalau dia balik dari Melaka nanti, dia akan menjadi guru. Kita juga senang Aisyah."

Alangkah sukarnya berterus-terang dan mencurahkan perasaan kerana sebahagian besar daripada hidupnya telah digunakan untuk memendamkan perasaan dan hanya mendengar pandangan orang....

(Zurinah Hassan, 2016: 172 - 173)

Novel menjelaskan lagi bahawa setelah bersetuju dengan desakan ibunya ini, watak Aisyah kemudian menyedari akan kesilapannya memberhentikan persekolahan Jamilah dan Latifah kerana dengan potensi asal yang dimiliki, mereka tidak berpeluang meneroka kejayaan yang lebih baik lagi berbanding dengan anak-anak lelakinya (iaitu Hamid dan Aziz), yang berpeluang melanjutkan pelajaran sehingga ke universiti dan memperoleh pekerjaan yang baik. Walau bagaimanapun, watak Jamilah dan watak Latifah diceritakan berkahwin dengan orang-orang yang terpelajar dan dengan potensi yang sama, dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu dengan pasangan masing-masing dan membentuk acuan agar anak-anak mereka (iaitu cucu-cucu Aisyah) dengan semuanya mendapat peluang belajar yang sama rata tanpa mengira jantina. Sehubungan dengan kesilapannya itulah, watak Aisyah kemudian bertegas bahawa anak

perempuan bongsunya (iaitu watak Rohani), perlu diberi peluang belajar ke sekolah menengah dan kemudian melanjutkan pelajaran ke universiti. Dengan kata lain, sikap dan pandangan watak Aisyah berubah setelah memahami bahawa keadaan sosial, ekonomi dan politik yang berubah pada masa itu menuntut dia memastikan anak-anaknya mendapat pendidikan yang baik bagi menjamin masa depan mereka. Sikap baharu Aisyah ini dapat dilihat berdasarkan petikan yang berikut:

Kadang-kadang Aisyah pun rasa menyesal kerana membentah keinginan Ayub untuk terus menyekolahkan Jamilah dan Latifah dulu. Aisyah kasihan melihat Ayub yang kecewa dengan tindakannya. Oleh itu, seboleh-bolehnya Aisyah mahukan Rohani berjaya. Rohani dimasukkan ke sekolah menengah di Sungai Petani. Sekarang ini sudah ada sekolah menengah yang baik di Sungai Petani. . .

(Zurinah Hassan, 2016: 217)

Berdasarkan petikan ini, novel menceritakan bahawa dengan perubahan sikapnya itu, watak Aisyah dapat memastikan bahawa Rohani tidak mengalami nasib yang sama seperti yang dialami oleh Jamilah dan Latifah. Berbeza dengan nasib kedua-dua kakaknya, watak Rohani yang lulus universiti diceritakan berjaya memperoleh jawatan yang baik. Watak Rohani diceritakan dapat meneladani kejayaan dua orang abangnya, iaitu Hamid dan Aziz, yang lulus universiti dan bekerja dengan kerajaan. Dalam novel ini, watak Hamid yang mendapat pendidikan menengah di salah sebuah sekolah Melayu diceritakan mempunyai kesedaran yang tinggi untuk membantu anak-anak bangsanya sendiri. Ketika masih lagi belajar di universiti, watak Hamid diceritakan selalu menggunakan masa cuti untuk terlibat dalam kelas-kelas tambahan, bertujuan membantu murid-murid Melayu berjaya dalam peperiksaan awam dan seterusnya dapat belajar di peringkat yang lebih tinggi. Dengan kata lain, selain menjadi contoh kepada adik-adiknya sendiri, watak Hamid mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa dia perlu membantu anak-anak bangsanya sendiri berjaya dalam pelajaran dan seterusnya terlibat dalam program-program kemajuan sosial dan ekonomi yang sedang digerakkan oleh kerajaan selepas negara merdeka.

Perbincangan seterusnya beralih kepada suatu aspek sosial yang berikutnya, iaitu perubahan sikap baharu masyarakat Melayu terhadap nilai-nilai tradisional. Dalam hal ini, nilai-nilai tradisional Melayu yang dirujuk adalah berkait rapat dengan amalan-amalan dalam kehidupan masyarakat Melayu yang diwarisi turun-temurun, merangkumi kepercayaan dan pantang, adat dan budaya, adab resam, tatasusila dan sebagainya. Melalui watak protagonisnya Aisyah, novel menceritakan bahawa kehidupan masyarakat Melayu di kampung-kampung pada zaman sebelum merdeka sangat mematuhi nilai-nilai ini dan mempraktikkannya dalam segenap kehidupan mereka. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, watak Aisyah iaitu seorang anak perempuan dalam keluarganya dibesarkan dengan kecenderungan ibu bapanya untuk menjadikan Aisyah sebagai seorang isteri dan ibu yang baik apabila meningkat dewasa. Seperti gadis-gadis lain di kampungnya, watak Aisyah diceritakan menjadi seorang ‘gadis pingitan’ (iaitu perbuatan ibu bapa mengawal dan mengurung anak-anak perempuan di rumah), bertujuan mengajarkannya akan tugas-tugas wanita Melayu yang rutin sejak kecil lagi dan memastikannya tidak terdedah kepada perkara-perkara sumbang melibatkan golongan lelaki. Novel menceritakan lagi bahawa apabila dianggap cukup usia untuk berumahtangga, watak Aisyah kemudian ditunangkan dan dikahwinkan dengan watak Ayub, iaitu seorang anak muda lelaki pilihan keluarganya. Watak Aisyah diceritakan tidak pernah mengenali watak Ayub sebelum perkahwinan mereka, dan dengan itu, dia tidak berasa tenteram lagi. Walau bagaimanapun, novel menceritakan bahawa perasaan Aisyah mulai reda apabila mengetahui daripada salah seorang kakak sepupunya (iaitu watak Kak Long) tentang firasat orang tua-tua mengenai kaedah memilih menantu, seperti dalam petikan-petikan yang berikut:

Sejak itu fikirannya tidak pernah tenteram. Aisyah berasa seolah-olah semua orang di sekelilingnya memerhatikannya sambil menjeling-jeling ke arah jarinya. Berbagai-bagai

perasaan datang melanda hatinya bagai ombak yang menghempas ke pantai. Apa yang Aisyah amat takut ialah menghadapi perkahwinan kerana ini bermakna Aisyah mesti tidur dengan seorang lelaki yang tidak dikenali. Segala-galanya amat menggerunkan. (Zurinah Hassan, 2016: 71)

Mengikut kata Kak Long, mereka berjaya melihat ketiga-tiga gadis itu. Setelah dapat melihat semuanya mereka berbincang dan memilih untuk meminang Aisyah. Ini kerana semasa mereka lalu di rumah Aisyah, dia sedang menjemur kain dan baru lepas mandi. Orang tua-tua percaya yang ini satu petanda baik. Kalau gadis yang ditengok itu sedang mandi atau membasuh bererti hubungan suami isteri akan sentiasa sejuk dan tenang.

Kata Kak Long lagi waktu mereka melihat si Minah, dia sedang memegang pisau hendak memotong serai. Tidak begitu elok mengambil gadis yang memegang pisau, kononnya rumah tangga tidak akan aman. Budak yang duduk dekat rumah Tuk Penghulu tidak berapa cerah kulitnya. Dia lebih hitam daripada Aisyah. Aisyah tersenyum juga mendengar kisah tengok-menengok anak dara yang diceritakan oleh Kak Long itu

(Zurinah Hassan, 2016: 73)

Berdasarkan cerita-cerita ini, novel menjelaskan bahawa orang-orang tua Melayu percaya akan firasat bahawa seperti kerja-kerja seharian yang lain, kerja mencari jodoh bagi anak-anak lelaki dan perempuan yang difikirkan mampu menggalas tugas-tugas rumahtangga mempunyai petanda-petandanya sendiri. Dalam konteks perkahwinan Aisyah dengan Ayub, petanda itu dilihat melalui situasi Aisyah menjemur kain selepas mandi, yang dianggapkan berada dalam situasi tenang, lalu dikaitkan dengan suasana rumah tangga yang mendamaikan. Novel seterusnya menceritakan bahawa perkahwinan ini berjalan dengan rukun dan aman, dan Aisyah yang mewarisi hal ini daripada ibu bapanya kemudian berusaha untuk menjodohkan anak-anak perempuannya (iaitu watak Jamilah dan watak Latifah) dengan calon-calon menantu pilihannya. Seperti yang dijelaskan sebelum ini juga, persekolahan kedua-dua watak anak perempuan Aisyah ini terhenti setelah tamat sekolah rendah, dan sejak itu mereka juga diceritakan melalui perkara yang sama seperti yang dilalui oleh Aisyah pada zaman remajanya. Dengan kata lain, apabila Jamilah dan Latifah dianggap telah bersedia untuk mendirikan rumahtangga, maka mereka akan patuh dan menerima sesiapa sahaja lelaki yang difikirkan sesuai oleh ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, novel menceritakan bahawa keadaan yang sama tidak berlaku ke atas anak-anak lelaki Aisyah dan Ayub. Selain watak Hamid dan watak Aziz diceritakan berpelajaran tinggi dan berkhidmat jauh di Kuala Lumpur, mereka juga dapat memilih pasangan hidup masing-masing. Dalam hal ini, watak Hamid diceritakan berkongsi hidup dengan seorang gadis Tionghua yang bersedia memeluk agama Islam, manakala watak Aziz pula mengahwini rakan sejawatnya yang sama-sama menjadi pensyarah dalam bidang seni visual di sebuah universiti tempatan, seperti yang dijelaskan dalam petikan-petikan yang berikut:

Hamid telah lulus daripada universiti dan bekerja di Kuala Lumpur. Kembang juga hati Aisyah melihat anaknya memandu kereta besar dan memakai tali leher. Aisyah tertanya-tanya juga siapakah perempuan yang akan menjadi menantunya. Aisyah berkira-kira mahu mencadangkan kepada Hamis untuk mengahwini Zaharah, anak Abang Mat. ...

Aisyah berasa hampa apabila Hamid menolak cadangannya.... Rasa kehampaan itu memuncak menjadi kekecewaan yang pedih dan memeranjatkan apabila Hamid memberitahu yang dia sudah mempunyai pilihan sendiri. Gadis yang dipilihnya bukan daripada bangsa sendiri tetapi seorang gadis Tionghua yang bersedia menganut agama Islam. (Zurinah Hassan, 2016: 225).

Bertahun-tahun Aziz membujang. Aisyah tidak tahu mengapa anaknya tidak teragak hendak berkahwin. Hanya beberapa tahun yang lalu barulah Aziz beristeri. Aisyah lihat isterinya juga tidak berbeza daripada Aziz sendiri dari segi berpakaian. Dia pun mengajar di universiti dan suka melukis juga.

(Zurinah Hassan, 2016: 227)

Berdasarkan petikan-petikan ini, novel menjelaskan bahawa penentuan calon pasangan hidup dan usia yang sesuai untuk melangsungkan perkahwinan anak-anaknya tidak lagi berada di tangan Aisyah dan Ayub. Dengan kata lain, watak Hamid dan watak Aziz yang berpelajaran tinggi, menyandang pekerjaan yang baik dan bergaji terdedah kepada aspirasi kehidupan masyarakat moden dan mempunyai banyak maklumat tentang perkara-perkara mutakhir dalam kehidupan, mempunyai kelebihan untuk menentukan pasangan hidup masing-masing. Apa yang jelas juga ialah kelebihan yang sama turut dinikmati oleh watak Rohani. Watak anak perempuan bongsu Aisyah dan Ayub ini hanya berkahwin setelah lulus pengajian di universiti dan menetap di Kuala Lumpur bersama-sama keluarganya. Sebagai seorang wanita yang berkelulusan tinggi, watak Rohani diceritakan layak untuk menyandang jawatan yang baik di pejabat, dan dengan itu tidak mewarisi tugas dan tanggungjawab menjaga rumah tangga seperti yang dialami oleh ibu dan kakak-kakaknya.

Selain daripada kecenderungan untuk mewariskan pekerjaan dan mengaturkan perkahwinan anak-anak, pengamatan mendapati bahawa masyarakat Melayu tradisional turut berkecenderungan untuk memastikan bahawa persekitaran kehidupannya dikelilingi oleh kehadiran sanak-saudaranya, terutamanya anak-anak yang dianggap dapat menjaga hidup masa tuanya. Sanak-saudara yang tinggal di sekeliling rumah juga diceritakan boleh diharapkan ketika mereka ingin mengadakan kenduri perkahwinan (seperti pada hari perkahwinan Aisyah) atau ketika timbulnya apa-apa hal kecemasan (seperti pada hari watak Jamilah dilahirkan). Novel seterusnya menceritakan bahawa pada awal perkahwinannya, watak Aisyah dan watak Ayub menanam padi dan melakukan kerja-kerja kampung di tempat yang sama dengan ibu bapa mereka, dan kemudian membina rumah sendiri tidak jauh dari rumah ibu bapa Aisyah. Dengan kedudukan rumahnya yang tidak jauh dari rumah ibu bapanya, Aisyah diceritakan dapat mengambil tahu hal-hal kesihatan mereka, dan pada ketika yang tertentu pula, dia juga dapat meminta pertolongan ibunya untuk menjaga watak Jamilah yang masih kecil (terutamanya ketika dia mengambil upah menyemai benih padi atau mengetam padi). Di sebalik kelebihan-kelebihan ini, novel menceritakan bahawa pada masa yang sama, Aisyah sedar akan kehidupan keluarga ibu bapanya yang miskin. Dengan memiliki sebidang tanah sahaja, Aisyah sedar bahawa terdapat kemungkinan abang dan adik-adiknya akan turut membina rumah di sekitar tapak yang sama, sehingga boleh mengakibatkan mereka adik-beradik bermasam muka. Kebimbangan watak Aisyah ini dijelaskan dalam petikan yang berikut:

Lebih jauh daripada itu, Aisyah tahu apa yang lebih penting bagi mereka sekeluarga ialah sekeping tanah dan sebuah rumah sebagai tempat perlindungan yang tetap. Mereka mesti mencari wang untuk jaminan masa depan. Mereka tidak boleh berharap untuk tinggal di tanah ayah sampai bila-bila. Tanah ayah pun Cuma sebidang ini sahajalah selain daripada beberapa petak-petak bendang. Tidak lama lagi, Abang Mat akan berkeluarga. Lijah pun sudah jadi anak dara. Tentu juga dia akan dipinang orang. Adik-beradiknya pun mempunyai hak untuk tinggal di tanah ayah

(Zurinah Hassan, 2016: 227)

Seterusnya, sehubungan dengan kejayaan watak Ayub dalam peperiksaan yang diduduki dan diterima bekerja sebagai seorang guru agama, novel menceritakan bahawa mereka kemudian berpindah ke pekan Tikam Batu, dan seterusnya membeli tanah dan membina rumah baharu di situ. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa meskipun watak Aisyah berkecenderungan untuk berada dekat dengan keluarganya, namun dia patuh dan sedar akan tanggungjawab baharu Ayub sebagai guru. Pada masa yang sama, watak Aisyah sedar bahawa perpindahan mereka ke pekan Tikam Batu tidak banyak menimbulkan masalah berikutan jarak yang tidak jauh dari kampung halamannya, dan dengan itu mereka masih boleh menjenguk ibu bapanya apabila berkelapangan. Apa yang jelas juga ialah perpindahan itu berlaku berikutan tahap pendidikan Ayub yang lebih baik daripada sebelumnya, yang menuntut kehadirannya di tempat baharu (iaitu tempat tinggal yang berdekatan dengan sekolah). Dengan sebab yang sama jugalah, watak Aisyah kemudian menyedari bahawa dia juga tidak dapat mendorong anak-anaknya membina rumah dan tinggal

tidak jauh dari rumahnya, berikutan anak-anak (dan menantu-menantu lelakinya) yang semuanya berkelulusan tinggi dan mempunyai kerjaya di tempat-tempat yang jauh dari pekan Tikam Batu. Kekecewaan watak Aisyah terhadap hal yang berlaku ini dijelaskan dalam petikan seperti yang berikut:

Aisyah masih ingat kata-kata ibu. "Beranaklah ramai-ramai. Anak-anak cucu ada di sekeliling rumah, itulah penghibur kita pada hari tua." Begitulah juga kata orang-orang tua yang lain.

Aisyah sudah menjalankan tugasnya, melahirkan dan membesarakan anak-anak, tetapi di manakah anak-anaknya? Tidak ada anak cucu yang mengelilingi rumahnya. Mereka sudah pergi jauh. Mereka tidak tinggal berdekatan seperti anak-anak orang tua-tua yang tinggal di kampungnya dahulu.

(Zurinah Hassan, 2016: 227)

Berikutan ketiadaan anak-anaknya berikutan tuntutan kerja dan tanggungjawab masing-masing, watak Aisyah diceritakan perlu menjalani hari tuanya seorang diri setelah watak Ayub meninggal dunia ketika mengerjakan ibadat haji di Mekah). Watak Aisyah mendapat bahawa cucu-cucunya selalu keberatan untuk pulang ke rumahnya, kerana rumah itu belum mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang lengkap seperti yang dinikmati di rumah masing-masing. Apa yang jelas ialah di sebalik cerita-cerita tentang kemajuan yang dinikmati oleh keluarga Aisyah setelah berpindah ke pekan Tikam Batu, anak-anaknya (terutamanya watak Hamid, watak Aziz dan watak Rohani yang mempunyai pekerjaan tetap) dapat melihat bahawa terdapat banyak lagi ruang-ruang kemajuan yang dapat diisi sekiranya mereka menjalani kehidupan di bandar-bandar besar. Dengan itu, anak-anak Aisyah diceritakan hanya berpeluang untuk pulang ke rumah itu semula sekiranya mereka mempunyai cuti panjang atau pulang berhari raya sahaja.

Pengamatan juga mendapati bahawa pada zaman kecilnya, watak Aisyah yang dibesarkan dengan adat resam orang Melayu turut terdedah dengan berbagai-bagai pantang larang. Novel menceritakan bahawa segala pantang larang ini melingkari banyak aspek kehidupan masyarakat Melayu, seperti bertunang, bersanding, mengandung, bersalin dan sebagainya. Segala pantang larang ini perlu dipatuhi pada setiap masa kerana orang Melayu pada masa itu percaya bahawa kegagalan seseorang mematuhi akan memungkinkan dia ditimpa musibah (atau masalah) yang berpanjangan. Sebagaimana anak-anak kampung yang lain, watak Aisyah juga dibelenggu dengan hal yang sama, kerana telah diingatkan bahawa pantang larang itu diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Keterikatan Aisyah kepada kepercayaan ini (iaitu terhadap pantang larang) dijelaskan dalam novel seperti dalam petikan yang berikut:

Dia takut apabila ibu meninggikan suaranya. Maka itu dia patuh apa sahaja suruhan atau larangan ibu. Kadang-kadang timbul juga rasa ingin tahu mengapa tidak boleh buat itu dan tidak boleh buat ini. Timbul juga tanda tanya di hatinya. "Apa akan jadi kalau aku duduk lama-lama di ambang pintu atau kalau aku membiarkan lesung penumbuk sambal tidak berbasuh?" Akan tetapi, Aisyah tidak berani membuka mulut untuk bertanya. Sememangnya dia tidak pernah bertanya apa-apa kerana daripada orang-orang yang lebih tua tanpa sebarang soalan.

(Zurinah Hassan, 2016: 105)

Petikan dengan sendirinya menjelaskan bahawa dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu tradisional, orang-orang tua dianggap bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak mereka mematuhi sesuatu pantang larang itu, manakala anak-anak juga tidak dibenarkan mempersoalkan kewajaran larangan itu. Justeru, dalam usaha untuk memuaskan hatinya, anak-anak pula dikehendaki menyelidiki sebab-sebab sesuatu pantang larang itu dikenakan. Novel menceritakan bahawa untuk mengetahui sebab dia tidak dibenarkan duduk berlama-lama di ambang pintu dan perlu membasuh lesung penumbuk sambal, Aisyah yang sedang mengandung ketika itu bertanya seorang kakak sepupunya (iaitu watak Kak Long) yang terlebih dahulu

menjadi seorang ibu. Dalam konteks ini, perbuatan “duduk lama-lama di ambang pintu” dikatakan akan menyebabkan anak yang dikandung berlengah-lengah keluar dari kandungan itu, manakala perbuatan “membiarkan lesung penumbuk sambal tidak berbasuh” akan menyebabkan ibu yang mengandung bergantung harap kepada orang yang membasuh lesung penumbuk sambal itu untuk menyambut kelahiran anaknya. Malah, untuk menguatkan kepercayaan anak-anak terhadap pantang larang itu, lazimnya mereka akan dimaklumkan tentang beberapa perkara buruk yang pernah menimpak orang-orang yang melanggar sesuatu pantang larang itu.

Novel seterusnya menceritakan bahawa sebagaimana yang diajarkan oleh ibunya, watak Aisyah adalah bertanggungjawab untuk memerihalkan segala pantang larang itu kepada anak-anaknya, apabila mereka mendirikan rumah tangga dan akan melahirkan anak masing-masing. Walau bagaimanapun, dengan kedudukan masing-masing yang menjadi isteri orang terpelajar dan menjalani kehidupan moden di bandar, watak anak-anak Aisyah diceritakan keberatan untuk mematuhi larangan yang sama. Malah, dalam konteks kecenderungan mereka untuk bergantung kepada perubatan moden, watak anak-anak Aisyah turut diceritakan mempersoalkan kewajaran pantang larang itu dikenakan kepada mereka, seperti yang dijelaskan dalam petikan yang berikut:

Dua tiga hari di rumah anak menantunya perasaan Aisyah tersinggung. Rupa-rupanya tidak mudah mengajar Jamilah tentang pantang larang untuk ibu-ibu selepas bersalin. Apabila Aisyah tidak benarkan Jamilah makan sayur-sayuran atau lain-lain, dia selalu bertanya, “Kalau saya makan apa akan jadi, mak?”

Apabila Aisyah melarangnya daripada menyapu sampah atau membuat sesuatu, dia akan bertanya, “Kalau saya menyapu juga apa akan jadi pada saya, mak?”

(Zurinah Hassan, 2016: 227)

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, watak Aisyah yang menjalani kehidupan yang sarat dengan nilai-nilai tradisional pada zaman kecilnya dijangkakan akan mewariskan hal-hal yang sama kepada anak-anaknya. Walau bagaimanapun, novel menceritakan bahawa watak Aisyah tidak dapat menjalankan tugas berkenaan kerana anaknya mula mempersoalkan akan kewajaran beberapa pantang larang itu dikenakan kepadanya (yang baru melahirkan cucu pertama Aisyah). Tindakan watak Jamilah ini timbul kerana dia tidak lagi menjalani kehidupan seperti kehidupan ibunya yang tinggal di kampung di pedalaman pada zaman kecilnya. Selain itu, perlu juga dijelaskan bahawa watak Jamilah hadir dalam novel sebagai seorang murid sekolah rendah yang cerdik, yang berpotensi melanjutkan pelajaran ke maktab perguruan di Melaka (iaitu sebuah institusi pengajian Melayu tinggi pada masa itu), sebelum dikehendaki berhenti belajar setelah tamat sekolah rendah oleh ibu dan neneknya. Melalui perkahwinannya dengan Rasyid (iaitu seorang yang terpelajar), dapat dikatakan bahawa watak Jamilah setelah berumahtangga mempunyai hala tuju dan pandangan alam yang lebih luas dan jelas tentang perubahan sosial, ekonomi dan politik yang melanda negara pada masa itu. Dengan sebab-sebab inilah, maka watak Jamilah diceritakan dapat mempersoalkan kewajaran dia mematuhi pantang larang yang cuba dikenakan oleh ibunya kepadanya.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa novel *Hatimu Aisyah* karya SN Zurinah Hassan ini menyerahkan dinamika perubahan yang melanda masyarakat Melayu sebelum dan selepas merdeka. Apa yang jelas ialah *Hatimu Aisyah* turut menghadirkan cerita-cerita tentang kesedaran sosial, ekonomi dan politik dalam kalangan ahli-ahli masyarakat Melayu di luar bandar dan bandar, dan dengan itu berusaha secara beransur-ansur mengubah corak pemikiran mereka daripada kehidupan tradisional kepada kehidupan moden. Berikutan kecenderungan inilah, maka ahli-ahli masyarakat menggerakkan daya usaha

mereka untuk meningkatkan tahap pendidikan, meraih peluang pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya menyaring nilai-nilai tradisional yang difikirkan tidak sesuai lagi untuk dipraktikkan dalam kehidupan moden. Pada masa yang sama, ahli-ahli masyarakat ini juga ingin bergerak selari dengan kemajuan-kemajuan seterusnya yang dijangkakan akan terus berlaku di seluruh dunia.

RUJUKAN

- Fletcher, Ronald. *Sociology: The Study of Social Systems*. New York: Charlers Scribner's Sons. 1981.
- Halis Azhan Mohd. Hanafiah, 'Manifestasi Institusi Sosial Melayu dalam Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*'. Makalah ini dibentangkan di Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua 2019 (SAPBaSBUM 2) pada 25 dan 26 Mac 2019, di Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman.
- Hanapi Dollah. 'Melayu Pinggiran: *Salina* dalam Bacaan Pengajian Budaya'. Makalah dibentangkan di Seminar Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said pada 13 - 15 Mei 2008, di Dewan Seminar DBP, Menara DBP, Kuala Lumpur.
- Helshin, James M. *Down to Earth Sociology*. Edisi ke-7. New York: The Free Press. 1993.
- Hughes, Michael & Kroehler, Carolyn J. *Sociology The Core*. Edisi ke-9. New York: The McGraw-Hill Company. 2009.
- Misran Rokimin, Mawar Safei & Che Abdullah Che Ya. 'Mobiliti Sosial dalam *Interlok* karya Abdullah Hussain.' *Jurnal Melayu* (8). 2011: 91 - 100.
- Mitchell, Duncan G. *Sociology: The Study of Social Systems*. Edisi ke-2. London: University Tutorial Press Ltd. 1970.
- Safwan Razali & Zubir Ibris. 'Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional dalam Syair *Putera Mahkota*'. *Jurnal Melayu* 17 (2) 2018: 225 – 240
- Taine, Hippolyte Adolphe. 'History of English Literature' dalam *Critical Theory Since Plato*. Edisi Semakan. Disunting oleh Hazard Adams. Florida: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Zurinah Hassan. *Hatimu Aisyah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016.